



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

30 JUN 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

30 JUN 2022 (KHAMIS)

HARI : KHAMIS
TARIKH : 30/06/2022
M/SURAT : 23

Nafi wujud elemen kegiatan sorok bekalan

Putrajaya: Masalah kekurangan minyak masak peket dan botol di pasaraya Lotus di Kajang, Selangor, bakal diatasi apabila pihak pengurusan akan menambah stok sedia ada.

Malah tidak wujud elemen kegiatan sorok bekalan di pasar raya itu seperti dijadual berikutnya masalah dikenal pasti berpunca pembelian laris pembeli dalam masa singkat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, hal itu menyebabkan rak jualan di pasar raya berkenaan kosong.

"Penelitian menunjukkan kekurangan stok minyak masak botol berlaku di premis Lotus di Kajang. Bagaimanapun bekalan minyak masak banyak dan penuh di rak jualan di Lotus Kuala Selangor dan Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, pengurusan pasaraya Lotus sudah mengemukakan penjelasan di sebalik kekurangan bekalan minyak masak di rak jualan di Lotus Kajang.

Harga siling ayam RM9.40

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menerapkan harga siling runcit ayam standard RM9.40 sekilogram sementara telur naik dua sen bagi setiap gred berkuat kuasa mulai esok.

Pada masa sama, Perdana

Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yakob turut mengumumkan penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi membantu rakyat Malaysia menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Pasukan khas tersebut akan berfungsi sebagaimana pasukan yang menguruskan pandemik Covid-19, dengan mengadakan mesyuarat dua kali seminggu

iaitu pada Isnin dan Khamis.

Ia untuk mengumpulkan semua maklumat daripada kerajaan, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

"Langkah ini diambil ekoran

PM umum
Pasukan Khas
Jihad Tangani
Inflasi

cabaran peningkatan kos sara hidup akibat perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik termasuk konflik antara Russia-Ukraine yang dijangka berlariutan sehingga memberi kesan kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api," kata Perdana Menteri dalam kenyataan.

Bersambung di muka 2

Harga siling ayam RM9.40

Dari muka 1

Menurut beliau, pasukan khas itu dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan dianggotai Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Kata Perdana Menteri, pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas yang diuruskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Sementara itu, Ronald ketika mengumumkan harga siling baharu ayam bekata, ia menyaksikan kenaikan 50 sen daripada harga siling ketika ini RM8.90.

Katanya, harga siling runcit telur ayam pula 45 sen/biji bagi gred A, gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji).

"Harga siling baharu itu akan berkuat kuasa pada 1 Julai seperti diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

"Dengan pelaksanaan ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM369.5 juta bagi penetapan harga siling baharu,

HARGA SILING AYAM DAN TELUR

Ayam

• Harga siling dahulu: **RM8.90 sekilogram**

• Harga siling mulai 1 Julai 2022: **RM9.40 sekilogram**

Telur:

• Harga siling dahulu: (Semenanjung)

Telur gred A (**0.43 sen/biji**)

Telur gred B (**0.41 sen/biji**)

Telur gred C (**0.39 sen/biji**)

• Harga siling mulai 1 Julai 2022:

Telur gred A (**0.45 sen/biji**)

Telur gred B (**0.43 sen/biji**)

Telur gred C (**0.41 sen/biji**)

menjadikan jumlah keseluruhan subsidi sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu," kata beliau.

Ronald berkata, keputusan penetapan harga siling mengambil kira dan diselaraskan dengan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan Perdana Menteri, baru-baru ini melalui inisiatif bantuan tunai termasuk bantuan tunai tambahan berjumlah sehingga RM500 kepada golongan B40 dan sebahagian daripada golongan M40.

"Isu kenaikan harga barang tidak berlaku di Malaysia sahaja, sebaliknya ia fenomena

global akibat konflik geopolitik dan perubahan iklim.

"Namun, kerajaan sedaya upaya berusaha menetapkan mekanisme pengawalan harga bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terbeban dengan cabaran kos sara hidup," katanya dalam kenyataan.

Bantuan BKM melibatkan 8.6 juta penerima sudah diluluskan dengan isi rumah bakal menerima sehingga RM2,600 tahun ini. Bantuan tersebut adalah tertinggi pernah diberikan kerajaan.

Februari lalu, kerajaan memutuskan pemberian subsidi ayam dan telur kepada penteranak di seluruh negara melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM528.52 juta.

Pemberian subsidi itu melibatkan 60 sen bagi setiap kilogram dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kilogram dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per kilogram, selain pemberian subsidi sebanyak 5 sen bagi setiap biji untuk semua jenis kategori telur.

Bagaimanapun, subsidi itu dihentikan bermula 1 Julai ini kerana ramai penteranak tidak membuat tuntutan dan pelbagai isu dibangkitkan.

Kerajaan menukar kaedah pemberian subsidi itu terus kepada rakyat yang memerlukan dengan peruntukan bantuan tunai tambahan BKM melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM630 juta bagi Fasa 2,

Pasukan Khas Jihad tangani inflasi

- Pasukan khas ini akan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi serta orang ramai bagi merangka strategi dan mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi, khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.
- Berfungsi seperti pasukan menguruskan pandemik COVID-19 dengan mengadakan mesyuarat dua kali seminggu iaitu pada Isnin dan Khamis.

- Pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan untuk memberi maklum balas segera kepada pasukan khas dengan KPDNHEP sebagai urus setia.

Nasional 2



Pasukan khas bantu rakyat hadapi kos sara hidup

Guna maklumat kementerian, orang ramai rangka strategi selesai kenaikan harga barang

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, bagi membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pembentukan pasukan khas itu sebagai alat pasukan menguruskan pandemik COVID-19 sebelum ini, dipersetujui pada mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung semalam.

Pasukan khas ini berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai, bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu berkaitan inflasi, khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

"Pasukan khas ini juga akan berfungsi sebagaimana pasukan menguruskan pandemik CO-



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

VID-19 dengan mengadakan mesyuarat dua kali seminggu iaitu pada Isnin dan Khamis.

"Sidang media akan diadakan selepas setiap mesyuarat berlangsung bagi memberi penjelasan kepada isu yang dibangkitkan oleh Keluarga Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pasukan khas itu dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan dianggotai Menteri Kewangan, Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Da-

tuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ismail Sabri menambah, pembentukan pasukan khas ini diambil ekoran cabaran peningkatan kos sara hidup akibat perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik, termasuk konflik antara Russia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi ke-

san kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api.

"Pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan (focal point) untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang diuruskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat daripada kenaikan inflasi di seluruh dunia," katanya.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 30/06/2022
M/SURAT : 6

Nafi wujud elemen kegiatan sorok bekalan

Putrajaya: Masalah kekurangan minyak masak peket dan botol di pasaraya Lotus di Kajang, Selangor, bakal diatasi apabila pihak pengurusan akan menambah stok sedia ada.

Malah tidak wujud elemen kegiatan sorok bekalan di pasar raya itu seperti dijadakwa berikutan masalah dikenal pasti berpunca pembelian laris pembeli dalam masa singkat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, hal itu menyebabkan rak jualan di pasar raya berkenaan kosong.

"Penelitian menunjukkan kekurangan stok minyak masak botol berlaku di premis Lotus di Kajang. Bagaimanapun bekalan minyak masak banyak dan penuh di rak jualan di Lotus Kuala Selangor dan Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, pengurusan pasaraya Lotus sudah mengemukakan penjelasan di sebalik kekurangan bekalan minyak masak di rak jualan di Lotus Kajang.

Kerajaan tubuh Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi

PUTRAJAYA — Mesyuarat Jamaah Menteri semalam bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi membantu Keluarga Malaysia menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pasukan khas itu berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya

mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

"Pasukan khas ini akan berfungsi sebagai mana pasukan menguruskan pandemik Covid-19, dengan mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali seminggu iaitu setiap Isnin dan Khamis.

"Sidang akbar juga akan diadakan selepas setiap mesyuarat berlangsung bagi memberi penjelasan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Keluarga Malaysia," katanya di sini semalam.



ISMAIL SABRI

Menurut Ismail Sabri, langkah itu diambil ekoran cabaran peningkatan kos sara hidup akibat

perubahan iklim dan ketidakstetuan geopolitik termasuk konflik antara Rusia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi kesan kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api.

"Pasukan khas ini dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan dianggotai Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee.

Turut menganggottai pasukan khas ini adalah, Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Tambah beliau, pegawai khusus di setiap kementerian juga akan dilantik sebagai pegawai rujukan untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas yang diurussetiakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Tubuh pasukan khas tangani inflasi

Bantu rakyat hadapi cabaran peningkatan kos sara hidup

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Satu Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ditubuhkan bagi membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pasukan khas yang dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa itu berperanan untuk mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai.

"Ia bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan

menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, pasukan khas itu akan berfungsi sebagaimana pasukan menguruskan pandemik Covid-19, dengan mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali seminggu laju pada Isnin dan Khamis.

"Sidang media akan diadakan selepas setiap mesyuarat berlangsung bagi memberi perjelasan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata, langkah tersebut dibuat berikutan cabaran peningkatan kos sara hidup akibat daripada perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik termasuk konflik antara Rusia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi kesan kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api.



Ismail Sabri berkata pasukan khas itu akan berfungsi sebagaimana pasukan menguruskan pandemik Covid-19.

Selain Annuar, pasukan khas ini dianggotai oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ismail Sabri berkata, pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas yang diuruskan

oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat daripada kenaikan inflasi di seluruh dunia," katanya.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 30/06/2022
M/SURAT : 1



Jualan minyak masak peket dipantau

KPDNHEP akan ambil tindakan undang-undang terhadap penjual online terlibat

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN
 SHAH ALAM

Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau penjualan minyak masak peket sekilogram (1kg) yang melebihi harga siling di platform e-dagang dan tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap penjual yang terlibat.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, Akta Kawalan Harga

dan Antipencatutan 2011 menegaskan adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana pihak yang menjual barang harga terkawal secara dalam talian melebihi harga maksimum yang ditawarkan.

Menurutnya, ini termasuklah jualan minyak masak peket 1 kilogram (kg) yang dikawal pada harga RM2.50 se-peket.

"Dalam konteks memastikan bekalan barang kawalan dan bersubsidi terutamanya minyak masak peket 1kg tidak diseleweng, kementerian juga telah menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Ia bagi memastikan tindakan selanjutnya dapat diambil ke atas pihak yang tidak



AZMAN

bertanggungjawab yang cuba melakukannya penyelengengan berhubung perkara ini termasuklah yang dilakukan secara dalam talian.

"Pihak berkaitan akan disiasat terlebih dahulu berhubung aduan atau maklumat yang diterima, jika berlaku

kesalahan dan berjaya dibuktikan, tindakan akan diambil mengikut bidang kuasa kementerian," katanya pada Rabu.

Pada Isnin, *Sinar Harian* melaporkan terdapat peniaga secara dalam talian menjana pendapatan lumayan apabila meramalkan harga minyak masak peket bersubsidi dengan menjualnya secara pakej

bersama produk lain.

Mengulas lanjut, Azman berkata, bermula 1 Januari sehingga 27 Jun 2022, KPDNHEP telah menerima tiga aduan berhubung penjualan minyak masak peket 1kg secara dalam talian.

Bagaimanapun katanya, KPDNHEP setakat ini tidak menerima sebarang maklumat berkenaan kewujudan kartel menjual minyak masak peket melalui platform tersebut.

"Namun, kementerian akan memantau rapi isu ini dan mengambil tindakan yang perlu di bawah akta ini," katanya.

Laporan *Sinar Harian* pada 27 Jun.

bidang kuasa kementerian," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar pengguna sentiasa bijak dalam berbelanja dan menggunakan sepenuhnya kuasa pengguna agar tidak mudah dimanipulasi oleh segelintir pihak tidak bertanggungjawab.

"Dapatkan maklumat yang betul dan buat pertimbangan sebelumnya sebelum membuat pembelian," jelasnya.

Manipulasi harga barang kawalan



SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **30/06/2022**
M/SURAT : **16**

General Harga Barang Keperluan					
Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM12.45	Gula Pasir	RM2.85
Daging Lembu Tempatan	RM42.99	Ikan Kembung	RM13.90	Bawang Besar Holland	RM3.19
Daging Lembu Import	RM53.90	Minyak Masak	RM6.50	Bawang Putih	RM5.50
				Cili Merah	RM10
				Kubis Bulat Tempatan	RM5
				Tepung Gandum	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP